



SIARAN MEDIA

Media Release

KAJIAN PERBELANJAAN KELUARGA (KPK) *HOUSEHOLD EXPENDITURE SURVEY (HES)*

2023/24



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

KAJIAN PERBELANJAAN KELUARGA (KPK) 2023/24

1. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, akan mengendalikan **Kajian Perbelanjaan Keluarga (KPK) 2023/24** bermula 1 Ogos 2023 sehingga 31 Julai 2024.
2. KPK 2023/24 adalah merupakan kajian yang ke tujuh seumpamanya dikendalikan di Negara Brunei Darussalam. Mulai tahun 2005, KPK dikendalikan setiap lima (5) tahun sekali, selaras dengan garis pandu dan piawaian antarabangsa.
3. Objektif utama KPK 2023/24 ialah untuk mengumpul maklumat terkini mengenai corak perbelanjaan dan tahap pendapatan keluarga. Maklumat daripada kajian ini nanti akan digunakan sebagai maklumat penting dalam membantu perancangan, penyelidikan, penyediaan dasar, dan pengurusan sosio-ekonomi negara.
4. Majlis Upacara Mengangkat Sumpah bagi Pegawai Kajian KPK 2023/24 telah diadakan di Dewan Bahirah, Jabatan Audit, Jalan Menteri Besar, pada hari Sabtu, 29 Julai 2023. Hadir menyaksikan upacara tersebut ialah Pemangku Ketua Pengarah JPES, Awang Hairol Nizam bin Haji Abdul Hamid.
5. Seramai 110 orang pegawai kajian yang dilantik oleh JPES bagi KPK 2023/24 telah mengangkat sumpah, dengan bacaan angkat sumpah yang diketuai oleh Awang Muhammad Azizan Bin Haji Abdul Razak. Dalam ucapan majlis tersebut, Pemangku Ketua Pengarah JPES telah menjelaskan bahawa KPK 2023/24 meliputi kira-kira 3,000 buah keluarga yang telah dipilih secara rambang di seluruh negara melalui kaedah pensampelan statistik. KPK 2023/24 akan dijalankan selama 12 bulan, yang mana kira-kira 260 buah keluarga akan dikaji setiap bulan untuk tempoh satu bulan sahaja. Ini adalah untuk mengambil kira variasi perbelanjaan bermusim seperti perbelanjaan di bulan Ramadhan, musim perayaan, awal persekolahan, dan cuti sekolah.
6. Sesi latihan bagi pegawai kajian KPK 2023/24 telah dijalankan dari 24 hingga 29 Julai 2023 yang bertujuan untuk mendedahkan mereka dengan bidang tugas yang perlu dilaksanakan. Pegawai-pegawai kajian akan mengunjungi keluarga yang terpilih dan menjalankan temuduga secara bersemuka bagi semua ahli keluarga. Keluarga yang terpilih juga adalah dikehendaki untuk merekod keterangan bagi semua perbelanjaan yang dibuat untuk tempoh satu bulan sahaja.
7. Keluarga yang terpilih adalah diingatkan supaya memastikan penemuduga yang datang membuat lawatan adalah pegawai kajian yang telah dilantik dan berautoriti melalui vest rasmi, autoriti pas, surat lantikan, dan kad pengenalan mereka. Sementara itu, keluarga yang mempunyai anjing adalah dipohonkan untuk memberikan kerjasama dengan menambat atau mengurung anjing-anjing mereka semasa penemuduga membuat lawatan.

8. KPK 2023/24 dijalankan menurut **AKTA PERANGKAAN, PENGGAL 81**. JPES ingin memberikan jaminan kepada semua keluarga terpilih bahawa maklumat yang diberikan akan **DIRAHSIAKAN** dan hanya akan digunakan bagi tujuan perangkaan sahaja. Menurut Seksyen 9 Akta Perangkaan, kegagalan atau keengganan untuk memberikan maklumat yang diperlukan atau memberikan maklumat palsu adalah menjadi satu kesalahan yang membawa hukuman denda sebanyak BND4,000.00.
9. Perangkaan utama yang akan dihasilkan ialah purata perbelanjaan bulanan bagi sebuah keluarga di negara ini mengikut pecahan kategori perbelanjaan seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, pengangkutan, pendidikan, perubatan, dan lain-lain perbelanjaan. Hasil dari KPK 2023/24 akan memberi manfaat kepada sektor awam, pakar akademik, penyelidik, penuntut-penuntut, dan orang ramai bagi pelbagai tujuan dan kegunaan masing-masing.
10. Sehubungan itu, sokongan dan kerjasama semua keluarga terpilih dalam memberikan maklumat yang diperlukan adalah sangat diharapkan bagi sama-sama menjayakan kajian ini.
11. Sebarang pertanyaan mengenai KPK 2023/24 bolehlah dirujuk ke JPES melalui:

Telefon	:	7469843 (hotline)
E-mel	:	expenditure.survey@jpes.gov.bn
Laman sesawang	:	deps.mofe.gov.bn
Instagram	:	@statistics.jpes



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

HOUSEHOLD EXPENDITURE SURVEY (HES) 2023/24

1. *The Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, through the Department of Economic Planning and Statistics (JPES), Ministry of Finance and Economy, will be conducting the **Household Expenditure Survey (HES) 2023/24** starting from 1 August 2023 until 31 July 2024.*
2. *HES 2023/24 is the seventh such survey to be conducted in Brunei Darussalam. Since 2005, HES has been conducted every five (5) years, in line with international guidelines and standards.*
3. *The main objective of HES 2023/24 is to collect the latest information on the expenditure pattern and income levels of households. This information serves as essential input in the nation's socio-economic planning, research, policy making, and management.*
4. *The oath-taking ceremony of the survey officers for the HES 2023/24 was held at the Dewan Bahirah, Jabatan Audit, Jalan Menteri Besar, on Saturday, 29th July 2023. Present to witness the ceremony was the Acting Director General of DEPS, Awang Hairol Nizam bin Haji Abdul Hamid.*
5. *110 survey officers appointed by DEPS for the HES 2023/24 have taken their oath, with the oath recitation led by Awang Muhammad Azizan Bin Haji Abdul Razak. In the ceremony, the Acting General Director of DEPS explained that the HES 2023/24 covers approximately 3,000 families that have been randomly selected throughout the country using statistical sampling methods. The HES 2023/24 will be implemented for 12 months, during which approximately 260 families will be surveyed each month for a period of one month only. This is to take into account seasonal expenditure variations during the month of Ramadhan, festive seasons, the beginning of the school year, and school holidays.*
6. *A training session for the survey officers was conducted from 24 to 29 July 2023 which aims to equip them with knowledge required to carry out their roles. The survey officers will visit the selected families and conduct face-to-face interviews with all family members. The selected families are also required to record details for all expenditures made for one month only.*
7. *The selected families are reminded to ensure that the interviewers visiting them are officially appointed and authorized survey officers through their official vests, authorized passes, appointment letters, and identity cards. Meanwhile, families with dogs are kindly requested to give their cooperation by tethering or confining their dogs during the interviewer's visit.*
8. *The HES 2023/24 is conducted under the **STATISTICS ACT, CHAPTER 81**. JPES would like to assure the selected families that all the information given will be treated as **CONFIDENTIAL** and used solely for statistical purposes. In pursuant to Section 9 of the Statistics Act, failure or reluctance to give the required information or furnishing false particulars is an offence that carries a penalty of BND4,000.00.*

9. *The key statistics to be produced are the average monthly expenditure of a family in this country by expenditure category such as food, clothing, housing, transportation, education, medical, and other expenses. The results of the HES 2023/24 will benefit the private sector, academic experts, researchers, students, and the public for their respective needs and purposes.*
10. *In this regard, the support and cooperation of all selected families in providing the required information are essential for the success of the survey.*
11. *For any enquiries regarding the HES 2023/24, please refer to JPES through:*

<i>Telephone</i>	:	7469843 (hotline)
<i>Email</i>	:	<i>expenditure.survey@jpes.gov.bn</i>
<i>Website</i>	:	<i>deps.mofe.gov.bn</i>
<i>Instagram</i>	:	<i>@statistics.jpes</i>

LAMPIRAN 1



Gambar Pertama: Seramai 110 orang pegawai kajian yang dilantik oleh JPES bagi KPK 2023/24 telah mengangkat sumpah, dengan bacaan angkat sumpah yang diketuai oleh Awang Muhammad Azizan Bin Haji Abdul Razak.



Gambar Kedua: Majlis Upacara Mengangkat Sumpah bagi Pegawai Kajian KPK 2023/24 telah diadakan di Dewan Bahirah, Jabatan Audit, Jalan Menteri Besar, pada hari Sabtu, 29 Julai 2023. Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyaksikan upacara tersebut ialah Pemangku Ketua Pengarah JPES, Awang Hairol Nizam bin Haji Abdul Hamid.

LAMPIRAN 2



First Picture: 110 survey officers appointed by JPES for the HES 2023/24 have taken their oath, with the oath recitation led by Awang Muhammad Azizan Bin Haji Abdul Razak.



Second Picture: The oath-taking ceremony of the survey officers for the HES 2023/24 was held at the Dewan Bahirah, Jabatan Audit, Jalan Menteri Besar, on Saturday, 29th July 2023. Present as an honoured guest at the ceremony was the Acting Director General of JPES, Awang Hairol Nizam bin Haji Abdul Hamid.